

15/04/2002

`Hentikan segera keganasan Israel'

MELAKA, Ahad - Pergerakan Pemuda Umno berharap masyarakat antarabangsa bertindak segera menghentikan keganasan rejim Israel terhadap rakyat Palestin.

Ketuanya, Datuk Hishamuddin Tun Hussein, berkata setiap kali umat Islam ditindas, masyarakat antarabangsa lambat bertindak sehingga ramai rakyat yang tidak berdosa menjadi mangsa.

Katanya, kempen penghapusan etnik di Bosnia-Herzegovina misalnya, bermula 1992 tetapi dunia cuma bertindak pada 1995, menyebabkan lebih 200,000 umat Islam terbunuh.

Beliau berkata, keadaan yang sama juga berlaku terhadap penduduk Palestin menyebabkan rakyat Palestin terus menderita.

"Apakah masyarakat dunia mahu menunggu rakyat Palestin disembelih seorang demi seorang baru kita bertindak.

"Sebab itu, Pemuda Umno menyokong usaha penuh kerajaan kepimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad meminta masyarakat dunia bertindak tegas terhadap rejim Israel," katanya.

Beliau berkata demikian ketika merasmikan persidangan Pemuda dan Wanita Umno bahagian Selandar, di Puteri Resort, Ayer Keroh, petang ini.

Turut hadir Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan dan Pelancongan negeri yang juga Ketua Umno bahagian Selandar, Datuk Hamdin Abdollah; Ketua Pemuda bahagian Marzuki Taib dan Ketua Wanita bahagian, Norpipah Abdol.

Dalam pada itu, Hishamuddin yang juga Menteri Belia dan Sukan, meminta kerajaan Singapura tidak terus berdegil menyelesaikan isu tambak laut.

Katanya, ketika lawatan ke beberapa Pemuda Umno cawangan, sebahagian besar mereka marah tindak tanduk Singapura yang begitu ketara.

Pemuda Umno berharap perkara itu diselesaikan secepat mungkin kerana jika Singapura mengambil sikap `menolak' apa saja bantahan, ia boleh menjejaskan hubungan dua hala kedua-dua negara.

(END)